



**KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB  
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA  
(TAHUN 2020)**

- Lembaga Tatatertib** : Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1) Jabatan Pertanian
- Tarikh** : 17 Disember 2020 (Khamis)
- Kumpulan Perjawatan/Gred** : Sokongan / Pembantu Awam Gred H11
- Kesalahan** :
- Pertuduhan Pertama**  
Tidak menghadirkan diri bertugas tanpa cuti, atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu, atau tanpa sebab yang munasabah sebanyak 118 hari pada tahun 2019 dan 2020.
  - Pertuduhan Kedua**  
Tidak menetik kad perakam waktu pada waktu pagi/ petang sebanyak 16 kali pada tahun 2019 dan 2020.
  - Pertuduhan Ketiga**  
Lewat menetik kad perakam waktu dan tidak menetik kad perakam waktu mengikut waktu pilihan tanpa catatan meninggalkan pejabat bukan dengan tujuan rasmi sebanyak 87 kali pada tahun 2019 dan 2020.
- Peraturan** :
- Pertuduhan Pertama**  
Tidak bertanggungjawab; ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah. [Peraturan 4(2)(g) dan 4(2)(i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993].
  - Pertuduhan Kedua**  
Ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah. [Peraturan 4(2)(i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993].
  - Pertuduhan Ketiga**  
Ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah. [Peraturan 4(2)(i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993].

**Hukuman** : Lembaga Tatatertib memutuskan Pegawai dikenakan Hukuman:

**Pertuduhan Pertama**

**TANGGUH PERGERAKAN GAJI BAGI TEMPOH 12 BULAN**  
[Peraturan 38(d), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam  
(Kelakuan dan Tatatertib) 1993].

**Pertuduhan Kedua**

**AMARAN** [Peraturan 38(a), Peraturan-Peraturan Pegawai  
Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993].

**Pertuduhan Ketiga**

**AMARAN** [Peraturan 38(a), Peraturan-Peraturan Pegawai  
Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993].

Keputusan adalah berasaskan kepada pertimbangan **hal  
keadaan dan merit kes.**

**Tempoh Tidak Layak Dipertimbangkan  
Kenaikan Pangkat** : **Pertuduhan Pertama**  
30 bulan.

**Pertuduhan Kedua**  
12 bulan.

**Pertuduhan Ketiga**  
12 bulan.